

# Lebih mudah godam Android: Kajian

**Kuala Lumpur:** Satu kajian dilakukan pakar teknologi maklumat tempatan mendapati maklumat menerusi sistem operasi Android telefon pintar lebih mudah digodam berbanding menerusi komputer biasa.

Ini berikutan, kegiatan menggodam dilakukan menerusi pelbagai aplikasi menarik yang ditawarkan kepada pengguna tanpa mereka sedari.

Kajian bertajuk *Android Botnet Detection and Response System* itu mendapati kegiatan pengintipan paling mudah dilakukan menerusi sistem telefon pintar tanpa disedari pengguna.

Kajian itu dilakukan pensyarah Jabatan Keselamatan, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia, Zubaile Abdullah bersama Dr Madhihah Ahmad Saudi dari Universiti Sains Islam Malaysia dan Dr Nor Badrul Anuar dari Universiti Malaya.

## Penggodam cipta aplikasi

Zubaile berkata, penggodam selalunya akan mencipta beberapa aplikasi yang dihantar ke nombor talian sasaran.



Zubaile Abdullah

"Sasaran kemudian diminta akan klik satu butang aplikasi untuk memuat turun aplikasi itu.

"Penggodam kemudian memiliki akses untuk memperolehi semua maklumat sasaran seperti senarai nombor talian, e-mel, kata laluan perbankan dan rangkaian sosial.

"Biasanya penggodam menggunakan 'Trojan' dan 'Botnet' untuk melumpuhkan sistem dan mengambil alih sistem itu sendiri tanpa disedari pengguna," katanya kepada BH.

Zubaile berkata, bahayanya penggodam telefon pintar ke-



Madhihah Ahmad Saudi

rana mereka berupaya mencuri gambar peribadi selain maklumat perbankan dan menyebarkan kepada orang lain.

## Dua jenis penggodam

"Terdapat dua jenis penggodam, iaitu white hat hacker (penggodam baik) yang menceroboh sistem untuk menyemak kelemahan, manakala black hat hacker (penggodam jahat) pula menggodam untuk melumpuhkan sistem, akses maklumat kewangan dan apa-apa maklumat yang diperlukan pesaing yang mengupah mereka.

"Kita perlu mengambil pe-



Nor Badrul Anuar

ngajaran bahawa sistem pertahanan Iraq berjaya dilumpuhkan oleh Amerika Syarikat menggunakan teknik sama sehingga mereka kalah dalam peperangan.

"Lebih membahayakan bergantung kita kepada teknologi dan kepakaran siber asing boleh menyebabkan kita menjadi mangsa tanpa kita ketahui.

"Sebagai contoh, syarikat pembuat pesawat akan memasukkan sistem mereka sendiri tanpa diketahui pembeli dan ia berguna jika kontrak pembelian tidak dipatuhi," katanya.